










Bonnie (tengah) meraikan kejayaan memenangi pingat emas acara 72kg, manakala Hu Peng raih (kiri) raih perak dan atlet Uzbekistan, Bekzod Jamilov menang gangsa.

(Foto ihsan FB MSN)



MEDALLISTS		OPEN - MEN'S UP TO 72 KG - TOTAL	
	 MAS		BONNIE BUNYAU GUSTIN 625 KG
	 CHN		PENG HU 583 KG
	 UZB		YASHINBEK OLTIEV 520 KG

## Powerlifting Para Terbuka Asia Oceania

BERITA HARIAN MS: 53 19/6/2022

# Bonnie harumkan negara

# Raih emas bagi kategori 72kg kejomanan di Korea Selatan

**Kuala Lumpur:** Jaguh powerlifting negara, Bonnie Bunyau Gustin sekali lagi mengharumkan nama negara di persada antarabangsa apabila muncul juara Kejomanan Powerlifting Para Terbuka Asia Oceania 2022 di Pyeongtek, Korea Selatan, kelmarin.

Juara Paralimpik Tokyo 2020 itu berjaya meraih pingat emas bagi kategori 72 kilogram (kg) menerusi angkatan terbaiknya

seberat 213kg pada percubaan ketiga, menurut laman sesawang World Para Powerlifting [www.paralympic.org/powerlifting](http://www.paralympic.org/powerlifting).

Pada percubaan pertama, atlet berusia 22 tahun kelahiran Sarawak itu berjaya melakukan angkatan seberat 203kg, diikuti 209kg pada percubaan kedua dalam kejomanan itu yang juga antara kejomanan kelayakan ke Sukan Paralimpik Paris 2024.

Persaingan antara enam peserta pada kejomanan itu menyaksikan atlet dari China, Hu Peng melakukan angkatan 200kg dan Bekzod Jamilov (180kg) dari Uzbekistan masing-masing meraih perak dan gangsa.

Bonnie sebelum ini meraih

emas Kejomanan Powerlifting Dunia 2021 di Tbilisi, Georgia, Disember lalu dan Sukan Paralimpik Tokyo 2020 pada 2021.

Sementara itu, Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) meletak kepercayaan tinggi terhadap kemampuan Bonnie untuk menghasilkan kilauan pingat emas di Sukan Komanwel Birmingham 2022 dari 28 Julai hingga 8 Ogos ini.

Presidennya, Datuk Seri Megat D Shahrizan Zaharudin, berkata beliau optimis atlet berkenaan mampu membutirkan pingat berkenaan sekiranya dilihat daripada prestasi semasa atlet itu yang memenangi emas pada Terbuka Asia Oceania.

“Bonnie sudah dilantik sebagai pembawa Jalur Gemilang (di

Sukan Komanwel Birmingham) dan dia juga antara prospek emas. Kita harap dia menjadi seorang daripada penyumbang pingat. Saya melihat dia seorang yang optimistik dan akan membanggakan negara dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang. Dia daripada seorang harapan kita,” kata Megat pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan MPM, semalam.

Mengulas lanjut mengenai penyertaan di Sukan Komanwel Birmingham 2022, Megat berkata, pihaknya sudah mempunyai kira-kira sembilan senarai nama awal atlet untuk menyertai kontinjen yang bakal bertanding dalam empat jenis sukan.